

17/09/1999

Pemuda perlu faham gagasan PM

PERGERAKAN Pemuda Barisan Nasional (BN) diminta memahami dan menghayati gagasan jangka panjang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menghadapi cabaran alaf baru.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata cabaran itu menuntut rakyat, khususnya Pemuda membina kekuatan dan menguasai maklumat selaras matlamat Wawasan 2020.

"Pemuda perlu iltizam melaksanakan membina gagasan jangka panjang seperti Koridor Raya Multimedia dan Cyberjaya selaras usaha membina bangsa Malaysia yang berjaya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas membentangkan kertas kerja mengenai kepimpinan berkesan pada Konvensyen Pemuda BN, yang berlangsung selama lima hari, bermula semalam.

Konvensyen bertemakan Kecemerlangan Asas Generasi Wawasan itu adalah sebahagian persiapan Pemuda untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi pilihan raya dan melangkah alaf baru.

Turut hadir Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein. Konvensyen yang julung kali diadakan di Sabah dihadiri 400 kepimpinan Pemuda dari semua 14 komponen BN.

Najib berkata, Pemuda juga perlu memberi tumpuan pada nilai kemalaysian iaitu menanam semangat cinta yang tinggi terhadap negara.

"Matlamat utama kita ialah membina bangsa Malaysia yang cemerlang dalam semua aspek kehidupan seperti yang diungkapkan dalam Wawasan 2020," katanya.

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata, kementerian akan lebih fleksibel dalam memproses pengambilan pelatih maktab perguruan dari Sabah bagi memberi peluang kepada lebih ramai kepada rakyat negeri itu melanjutkan pelajaran.

Langkah itu, katanya, selaras usaha kementerian untuk membolehkan lebih ramai guru bertauliah mengajar di negeri ini.

Mengulas mengapa kementerian menghentikan perkhidmatan guru sandaran, Najib berkata, langkah itu diambil bagi membolehkan guru lepasan maktab berkhidmat di Sabah.

"Keputusan ini selaras usaha kementerian untuk memberi taraf pendidikan lebih tinggi kepada rakyat Sabah, yang sebelum ini mengambil ramai guru sandaran.

"Adalah tidak adil bagi rakyat Sabah menerima guru sandaran, sedangkan kita mempunyai ramai guru yang sedia berkhidmat untuk meningkatkan taraf pendidikan di negeri ini," katanya.

(END)